

04/10/2003

Ahli Parlimen bersalah tetap dihukum: PM

Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan tetap mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen yang didapati bersalah tanpa mengira sama ada mereka penyokong kerajaan atau pembangkang.

Merujuk kes tuntutan melebihi `kebiasaan' oleh 14 Ahli Parlimen yang kini disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR), Perdana Menteri berkata, mereka yang sabit kesalahan wajar dikenakan tindakan.

"Kita akan ambil tindakan. Soal siapa tak timbul," katanya selepas majlis pelancaran dan tandatangan pempamer bagi Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2005 di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC) di sini, petang semalam.

Beliau diminta mengulas tindakan BPR memanggil 14 Ahli Parlimen yang membuat tuntutan perjalanan melebihi RM10,000 sebulan untuk memberi penjelasan lanjut.

Berdasarkan senarai itu, 14 Ahli Parlimen membuat tuntutan melebihi RM10,000 sebulan, dengan Mohd Apandi Mohamad (Jeli) di tempat teratas yang membuat tuntutan melebihi jumlah itu sebanyak 10 kali.

Ia diikuti Ahli Parlimen Lubuk Antu, Jawah Gerang (empat kali), Ahli Parlimen Kemaman, Abdul Rahman Yusof (dua kali) manakala Abdul Fatah Harun (Rantau Panjang), Lau Hoi Chew (Sibu), Datuk Mastika Junaidah Husin (Arau), Kong Cho Har (Lumut), Hoo Seong Chang (Kluang), Lim Bee Kau (Padang Serai), Goh Kheng Huat (Nibong Tebal), Mohd Yusoff Mohd Nor (Machang), Ramli Ibrahim (Kota Bharu), Abu Bakar Othman (Jerlun) dan Mohd Nasir Che Daud (Kuala Krai), masing-masing sekali.

Mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang meminta rapat umum dibenarkan, Dr Mahathir berkata, Suhakam sepatutnya menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk membuat keputusan mengenai apa saja.

"Tetapi nampaknya apa saja perlu diputuskan Suhakam. Yang itu (membenarkan rapat umum) masing-masing punya pendapatlah. Sama ada boleh ada rapat umum atau tidak, bukan boleh ditentukan Suhakam.

"Kalau jadi apa-apa, apakah Suhakam nak jaga keamanan? Kalau jadi perkelahian antara orang yang mengambil bahagian, bertumbuk, takkan Suhakam yang nak jaga? Yang nak jaga polis. Dia bagi pendapat dia sudahlah," katanya.

Ditanya mengenai pendapat Pemuda Umno yang mengatakan Suhakam membuat kenyataan seolah-olah menyokong pembangkang, Dr Mahathir berkata, itu hanyalah soal pendapat.

"Pemuda Umno ada kebebasan untuk membuat apa saja komen. Suhakam pun ada kebebasan. Dia nak kata apa boleh katalah," katanya.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein semalam dilaporkan berkata, Suhakam perlu sedar bahawa suruhanjaya bebas itu diwujudkan bagi membela hak asasi semua pihak, sama ada pembangkang atau kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, Pemuda Umno mendapati dakwaan dan kenyataan Suhakam seolah-olah mereka berpihak kepada pembangkang.